

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' MANSOR BIN OTHMAN [NIBONG TEBAL]

TARIKH : 16.06.2014 (ISNIN)

DATO' MANSOR BIN OTHMAN [NIBONG TEBAL] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan jelaskan mekanisme pemantauan pelaksanaan Kod Etika dan Tatacara Jualan Langsung yang dilancarkan Kementerian dalam bulan Jun 2012 dan sehingga kini berapa bilangan syarikat yang didapati bersalah melanggari Kod Etika tersebut dan bentuk hukuman yang dikenakan.

Jawapan :

Tuan Yang Dipertua,

Kod Etika dan Tatacara Jualan Langsung telah dilancarkan pada 14 Jun 2012 yang memberi penekanan kepada lima (5) aspek seperti berikut:-

- i) etika dan tatacara terhadap pengguna;
- ii) etika dan tatacara terhadap penjual langsung/pengedar/agen;
- iii) etika dan tatacara antara syarikat;
- iv) etika dan tanggungjawab syarikat; dan
- v) etika dan tatacara penguatkuasaan.

Pemantauan pelaksanaan Kod Etika dan Tatacara Jualan Langsung dibuat dengan menubuhkan Jawatankuasa Pentadbir Kod Etika dan Tatacara Jualan Langsung yang akan mengawal selia fungsi Pentadbir Kod dan membincangkan isu-isu semasa pematuhan industri terhadap kod yang disediakan serta penyelesaian aduan.

Sehingga kini tiada syarikat yang didapati bersalah kerana melanggar Kod Etika tersebut memandangkan tiada aduan yang memerlukan campur tangan Pentadbir Kod kerana telah diselesaikan di peringkat syarikat jualan langsung itu sendiri. Berdasarkan semakan Kementerian ini, kebanyakan syarikat-syarikat jualan langsung turut mempunyai Kod Etika masing-masing.

Syarikat-syarikat yang didapati bersalah akibat pelanggaran tatacara kod etika ini boleh dikenakan tindakan yang akan ditentukan oleh Pentadbir Kod Etika dan Tatacara Jualan Langsung termasuklah penamatan kontrak atau hubungan antara pengedar/agen dengan syarikat itu, pemulangan bayaran, pengeluaran amaran kepada syarikat atau pengedar/agennya, atau lain-lain tindakan yang berpatutan serta membuat pengumuman mengenai tindakan yang telah diambil.